

PERUTUSAN TERIMA KASIH DARIPADA PENGARAH PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN

Sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui Pernyataan Awam Penyelesaian Tunggakan Urusan Tanah yang telah disiarkan dalam laman web ini, Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan telah berjaya menyelesaikan sebahagian besar tunggakan urusan tanah di negeri ini. Sehingga 15 Oktober 2008, kesemua tunggakan bagi urusan pendaftaran urusan niaga dan bukan urusan niaga serta pendaftaran hakmilik strata bagi tahun 2007 dan sebelumnya telah berjaya diselesaikan, iaitu 100% penyelesaian. Tunggakan urusan pemberimilikan tanah bagi tahun 2007 dan sebelumnya pula telah 97.2% selesai. Tunggakan urusan penukaran hakmilik sementara (QT) kepada hakmilik kekal (FT) juga melihatkan peningkatan yang baik, iaitu 70% penyelesaian.

Penyelesaian urusan tanah bagi tahun 2008 turut melihatkan prestasi yang boleh dibanggakan. Bagi pendaftaran hakmilik strata, sebanyak 26 daripada 28 skim yang diterima telah berjaya didaftarkan dalam tempoh masa yang lebih singkat daripada Piagam Pelanggan. Ini menunjukkan Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan komited dalam memberi yang terbaik mungkin bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kami. Urusan pendaftaran urusan niaga dan bukan urusan niaga juga sentiasa cuba didaftarkan dalam masa 28 hari dari tarikh perserahan, dengan syarat bahawa perserahan yang diterima adalah lengkap dan boleh didaftarkan (fit to be registered).

Pengarah PTGNS bagi pihak pentadbiran Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah sama-sama membantu dalam menyelesaikan tunggakan urusan tanah di Negeri Sembilan. Kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah, kerjasama dan perhatian anda amat dihargai. Ucapan penghargaan juga kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan yang sentiasa berganding bahu dengan Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan untuk memastikan target penyelesaian tercapai. Tidak lupa sekalung terima kasih kepada semua tuan tanah dan pemaju perumahan yang prihatin dan telah menunaikan tanggungjawab anda untuk melunaskan cukai tanah, membuat permohonan pendaftaran hakmilik strata, membuat permohonan ukur, dan lain-lain lagi. Terima kasih juga kepada pihak Jurukur Berlesen yang telah sama-sama memastikan kesemua Permohonan Ukur yang dipertanggungjawabkan kepada anda diselesaikan dalam tempoh masa yang dikehendaki.

Pengarah PTGNS berharap agar kerjasama erat yang telah diberikan oleh pihak Y.Bhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan akan diteruskan pada masa akan datang dalam usaha kita untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri ke arah Negeri Maju pada tahun 2020.